



UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PELUNCURAN DASAR SOSIAL NEGARA 2030

TARIKH/MASA:

21 OKTOBER 2024 (ISNIN)
01.00 TENGAH HARI

LOKASI:

DEWAN MERDEKA, ARAS 4
WORLD TRADE CENTRE
KUALA LUMPUR

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengerusi Majlis,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

MUKADIMAH

1. Akhir-akhir ini, negara dikejutkan dengan pelbagai kes pembunuhan yang amat kejam, melangkaui batas kemanusiaan sehingga menimbulkan polemik di media sosial kerana keadaan tragik kematian mangsa.
2. Kadang bila dibaca tak terjangkau dek akal sehingga pelaku sanggup memenggal dan mengerat anggota tubuh mangsa dan membuangnya sehingga reput dan menjadi rangka. Terbaharu, kes melibatkan bekas pegawai kewangan Felcra, Sabari Baharom, yang dibunuh dan dicampak ke sungai Padang Terap, Jitra.
3. **Tren bunuh diri juga kian membimbangkan, dengan peningkatan 10% pada 2023 berbanding 2022. Kementerian Kesihatan melalui Talian 'HEAL 15555' mencatatkan bagi tempoh dua (2) tahun perkhidmatan sehingga Oktober 2024, sebanyak 342 panggilan**

diterima mengenai tingkah laku bunuh diri dimana 138 daripadanya adalah cubaan membunuh diri.

4. Selain itu, kita juga menyaksikan kemerosotan nilai kesejahteraan keluarga, yang mendorong peningkatan kes penceraian, keganasan rumah tangga, penderaan dan pengabaian kanak-kanak, warga emas, serta OKU. Kisah tragis pasangan ibu bapa yang menganiaya anak kandung sendiri berumur 5 tahun dengan memijak dan menyiram air panas meruntun hati saya.. seolah-olah terlalu mudah untuk hilang pertimbangan dan kewarasan akal.
5. Tidak ketinggalan, buli siber yang semakin berleluasa, hingga menyebabkan kematian seorang influencer TikTok. Ini semua hanyalah sebahagian daripada masalah sosial yang masih berleluasa selain jenayah sosial lain seperti penyalahgunaan dadah, penipuan dalam talian, dan isu buli di jalan raya yang semakin membimbangkan.
6. Namun, pastinya Kerajaan tidak pernah berdiam diri. Bermula dengan **Dasar Sosial Negara pertama pada 2003** dan diperkukuh lagi dengan **penubuhan Majlis Sosial Negara** - Kerajaan sentiasa mengutamakan langkah strategik dan bersepadu bagi menangani masalah-masalah sosial ini.

7. Semasa saya mempengerusikan Majlis Sosial Negara pada tahun 2017, empat elemen penting telah saya gariskan iaitu **memperkukuh pendidikan agama, memperkasakan institusi kekeluargaan untuk membimbing anak-anak, memupuk nilai moral dalam komuniti, serta menyokong platform penyelidikan** bagi memahami dan mencari penyelesaian terhadap isu-isu sosial ini.
8. Hari ini, dalam mendepani arus teknologi digital dan komunikasi termasuklah perkembangan *Artificial Intelligence* (AI) - satu pendekatan baharu perlu diperkuatkan dalam menangani isu sosial dan mengangkat agenda ini demi mencapai aspirasi kemakmuran negara.
9. Saya percaya dalam kita ingin mencapai status negara maju, asasnya adalah membentuk minda, mentaliti, dan sikap kelas pertama.. yang harus dimulakan dari peringkat awal usia. Hanya dengan generasi yang berfikiran matang dan berdaya tahan... kita mampu melahirkan masyarakat yang seimbang dari segi mental dan emosi serta mampu menghadapi apa jua cabaran masa depan.

KESEIMBANGAN ANTARA KEMAJUAN EKONOMI DAN SOSIAL

Hadirin sekalian,

10. Bapa Sosiologi, Ibnu Khaldun, pernah menyatakan bahawa nilai sosial dalam masyarakat berkait rapat dengan pembentukan modal insan. Beliau merumuskan dalam teorinya bahawa pembangunan tamadun dan perpaduan sejagat adalah berasaskan gabungan semangat assabiyah dan agama – iaitu menggabungkan pembangunan fizikal dan spiritual secara seimbang.
11. Dalam konteks Malaysia, tahap kemajuan tidak seharusnya hanya diukur dari segi pembangunan ekonomi atau pembangunan infrastruktur semata-mata - tetapi perlu merangkumi nilai kesejahteraan sosial dan mengambil kira pencapaian sosial dan insaniah jua.
12. Contohnya, walaupun kedudukan Malaysia meningkat ke tempat ke-35 dalam pencapaian KDNK pada tahun 2023.. keberadaan kita di dalam **kedudukan ke-54 Indeks Kemajuan Sosial** menunjukkan bahawa kita belum **mencapai keseimbangan** yang diperlukan untuk menjadi negara maju sepenuhnya.

13. Justeru, Kerajaan sedar bahawa pembangunan mampan memerlukan keseimbangan. Dalam usaha mengejar pertumbuhan ekonomi, kita juga perlu melabur dalam kesejahteraan sosial - melalui dasar yang menggalakkan peluang ekonomi dan memastikan pengagihan sumber yang adil, serta akses kepada pendidikan, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan sosial.
14. Oleh itu, negara amat memerlukan sebuah dasar sosial yang lebih komprehensif dan menyeluruh untuk memacu agenda pembangunan sosioekonomi negara. InsyaAllah, peluncuran **Dasar Sosial Negara (DSN 2030)** pada hari ini sangat bertepatan dengan keperluan untuk mengimbangi pembangunan ekonomi dengan pembangunan sosial seperti saya sebutkan.
15. Dasar ini akan menjadi payung besar yang menunjangi usaha serta strategi Kerajaan dalam memperkukuh pembangunan sosial seterusnya menjadikan Malaysia lebih makmur dan sejahtera.

DASAR SOSIAL NEGARA 2030: KOMITMEN TERHADAP KESEJAHTERAAN SOSIAL

Hadirin dan hadirat sekalian,

16. **Dasar Sosial Negara (DSN) 2030** adalah bukti komitmen kita untuk **membina sebuah negara yang lebih sejahtera, inklusif, dan progresif**. Ia merupakan hasil usaha serta kerjasama erat antara pelbagai pihak - termasuk Kementerian, agensi kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat.
17. Kita mesti berkerja erat dalam mencapai satu matlamat yakni **membangunkan rakyat Malaysia yang sentiasa berpegang teguh kepada nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan**. *That's our mission together - building a society that is resilient, progressive, responsible, compassionate, and ethical.*
18. Begitulah juga harapan kita agar **Dasar Sosial Negara 2030** ini akan menetapkan hala tuju sosial negara - serta mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu sosial secara holistik. InsyaAllah, jika **pelaksanaan dasar disulami langkah penguatkuasaan dapat dilakukan secara sempurna** - saya percaya ia membawa Malaysia mencapai kedudukan 25 teratas dalam Indeks Pembangunan Manusia dan Indeks Persepsi Rasuah tidak lama lagi.

MENANGANI ISU SOSIAL: TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Hadirin sekalian,

19. Sebagai Pengerusi **Majlis Sosial Negara (MSN)**, saya komited untuk menjadikan platform ini sebagai medium utama dalam membincangkan isu-isu sosial dan mencapai keputusan dasar yang jelas bagi hala tuju sosial negara.
20. Kami telah bergerak secara satu pasukan bagi melaksanakan pelbagai inisiatif dan akan terus bergerak proaktif dalam merancang pendekatan baharu untuk mengurangkan masalah kesenjangan sosial. Kami akan pastikan usaha-usaha ini selari dengan perkembangan teknologi dan media sosial. Saya ingin lontarkan beberapa langkah-langkah untuk dinilai dan dilaksanakan bersama, antaranya:
 - i. Pertama - **Platform Perkhidmatan Sosial Digital** boleh diwujudkan bagi **menggabungkan semua perkhidmatan sosial kerajaan, NGO, dan sektor swasta sebagai pusat sehati** untuk sokongan kesihatan mental, kebajikan, peluang pekerjaan, dan pendidikan dengan menggunakan bantuan berasaskan AI untuk padanan perkhidmatan.

- ii. Kedua - **Hab Teknologi Berasaskan Komuniti** :
Mewujudkan **pusat latihan literasi digital dan inkubator keusahawanan sosial** bagi bersama membantu menangani isu-isu sosial seperti jurang pendidikan, kemampunan alam sekitar dan penjagaan kesihatan luar bandar.
- iii. Ketiga - **Integrasi Kesihatan Mental di Tempat Kerja** :
Mengintegrasikan kesihatan mental di tempat kerja dengan melaksanakan **Pensijilan Kesihatan Mental** - termasuklah menyediakan polisi sokongan seperti waktu kerja fleksibel, perkhidmatan kaunseling, dan latihan pengurusan tekanan. Ia boleh ditambah dengan **Perkhidmatan Kaunseling Bergerak**, di mana kaunselor berlesen boleh menyediakan sokongan segera melalui panggilan video atau *chatting*, memudahkan akses kepada individu yang memerlukan.
- iv. Keempat - **Pencegahan Jenayah Berasaskan Data** :
Menggunakan analisis data untuk mengesan serta meramal ancaman buli siber dan penipuan dalam talian secara proaktif.

v. Terakhir dan kelima - **Intervensi Melalui Media** : Meningkatkan kandungan televisyen yang mempromosikan nilai-nilai positif, mendidik masyarakat tentang isu-isu sosial, dan menghasilkan kempen kesedaran yang berfokus kepada kemanusiaan kerana saya percaya melalui kandungan program televisyen dan radio – ia dapat membentuk minda dan jiwa masyarakat yang lebih baik.

21. Cadangan-cadangan ini penting sebagai sebahagian usaha menangani masalah sosial secara lebih menyeluruh dan berkesan dalam konteks dunia digital yang kompleks.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

22. Kerajaan tidak pernah berpeluk tubuh atau memandang enteng terhadap permasalahan sosial yang berlaku di negara ini. Saya baru sahaja selesai mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sosial Negara – dan seperti sebelumnya kami sentiasa mencari penyelesaian serta membuat keputusan dasar mengenai hala tuju pembangunan sosial

negara, sambil menilai program dan strategi yang sedang dilaksanakan.

23. Isu yang kami bincangkan tidak terhenti dalam permasalahan sosial yang saya sebutkan di dalam ucapan ini tetapi ia melangkaui permasalahan lain seperti pengurusan banduan rentan, jenayah seksual terhadap kanak-kanak dalam talian, dasar perbankan buat OKU, pengurusan pelarian dalam negara dan keciciran murid sekolah menengah yang semakin merisaukan.
24. Semua ini adalah untuk memastikan rakyat kita sentiasa selamat dan terhindar dari pelbagai permasalahan sosial, sambil menikmati peluang yang menjamin kehidupan yang bermaruah. Seperti yang dinyatakan oleh Nelson Mandela, *"Safety and security don't just happen; they are the result of collective consensus and public investment."*
25. Walaupun Dasar Sosial Negara hari ini akan menjadi asas yang mendasari segala usaha kita - apa yang jauh lebih penting lagi adalah membudayakan gaya hidup yang harmoni dan toleransi antara kita. Seperti membesarkan seorang anak kecil dikalangan kita - menjadi tanggungjawab kita untuk saling membimbing dan

menegur secara berhemah kerana akhirnya kita dapat membina sebuah komuniti yang penuh kasih sayang.

26. Marilah kita bersama-sama membentuk identiti masyarakat Malaysia yang dihormati, berintegriti, dan berdaya tahan - demi mencipta masa depan yang lebih sejahtera untuk semua.
27. Percayalah, bagi membina sebuah negara yang maju dan makmur – “Kita Mesti Berfikiran New York Tetapi Berjiwa Mekah”
28. Akhirul kalam, dengan lafaz Bismillahir rahman nirrahim, saya **melancarkan Dasar Sosial Negara 2030.**

Sekian, terima kasih.